

22/11/2003

Opcom tingkat pelaburan RM10j

OPCOM Holdings Bhd (Opcom) pengeluar kabel gentian optik akan melabur RM10 juta bagi menghasilkan produk baru kabel tiub longgar (loose tube cable) pertengahan tahun depan.

Pengerusi yang juga Pengarah Urusan Opcom, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata produk baru itu dijangka menyumbang kepada peningkatan jumlah pengeluaran kabel gentian optik sebanyak sekali ganda kepada 2,500 kilometer sebulan.

Mukhriz berkata, kemudahan pengeluaran sedia ada di Shah Alam, Selangor kini menghasilkan 1,200 kilometer gentian optik sebulan.

"Berdasarkan pertumbuhan pesat industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kami yakin produk baru ini mampu mencatat permintaan tinggi di pasaran tempatan.

"Pengeluaran produk baru ini juga diunjur menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan 25 peratus dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian taja jamin bagi terbitan saham Opcom di Pasaran Mesdaq Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di Kuala Lumpur, semalam.

Terbitan saham Opcom ditaja jamin oleh AmMerchant Bank Bhd (AmMerchant Bank) dan AmSecurities Sdn Bhd.

Pada majlis itu, Mukhriz mewakili Opcom, sementara AmMerchant Bank oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Cheah Tek Kuang, manakala AmSecurities oleh Pengarah Urusannya, Mustafa Mohd Noor. Hadir sama Pengarah Eksekutif Opcom, Eric Chhoa.

Opcom yang dijangka disenaraikan di Pasaran Mesdaq akhir bulan depan membuat terbitan awam 26 juta saham biasa baru 20 sen seunit pada harga tawaran 80 sesaham.

Daripada jumlah itu, 17 juta saham diperuntukkan kepada pelabur terpilih menerusi tawaran persendirian manakala satu juta kepada pelabur awam.

Baki lapan juta saham pula dikhaskan kepada pengarah dan kakitangan Kumpulan Opcom yang layak.

Opcom yang memulakan perniagaannya pada 1994 dalam pengeluaran dan pemasaran kabel gentian optik untuk pasaran tempatan dan antarabangsa, muncul sebagai peneraju industri itu dengan menguasai antara 65 hingga 70 peratus pasaran tempatan.

Mukhriz berkata, dana RM21 juta yang diperoleh daripada terbitan awam akan digunakan bagi membiayai usaha pengembangan operasi kumpulan.

"Kira-kira RM10 juta akan digunakan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran sedia ada, RM2.5 juta lagi untuk pengeluaran komponen gentian optik dan RM7.5 juta sebagai modal kerja," katanya.

Opcom yang mencatat keuntungan bersih RM6.8 juta hasil pendapatan RM46 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac lalu, akan terus memfokuskan kegiatannya dalam pasaran tempatan.

Namun demikian syarikat turut mengeksport keluarannya ke Afrika, Sweden, Filipina dan Brunei.